

11/05/2003

Pelantikan pemimpin tanpa bertanding bawa kebaikan

KUALA LUMPUR: Pelantikan seseorang pemimpin tanpa bertanding adalah amalan demokrasi yang berjalan dengan baik di negara ini dan ia bukan bermakna parti itu tidak demokratik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, melantik seseorang pemimpin tanpa bertanding itu juga bermakna mengikut persetujuan semua pihak atau pun puak yang sedar bahawa mereka tidak akan mendapat sokongan yang besar, menarik diri atau pun penyokong mereka tidak berminat lagi untuk mengadakan pertandingan.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata keputusan secara muafakat dan sebulat suara itu adalah satu-satunya yang menjamin demokrasi berjalan dengan baik dalam parti politik negara ini.

"Ada pihak berpandangan, anda perlu menukar pemimpin setiap masa dan ketika...kalau tidak tukar tidak demokratik, ini tidak benar, kalau rakyat

mahukan pemimpin yang sama dia boleh terus kekal sebagai pemimpin,

"Tapi jika dia berhasrat untuk bersara, dia perlu dibenarkan bersara," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-57, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Timbalan Pengerusi BN, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Presiden MIC, Samy yang menang tanpa bertanding sebagai presiden dan Subramaniam bagi jawatan timbalan presiden dan naib presiden lain yang juga menang tanpa bertanding.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya Perikatan dan BN adalah parti politik yang unik kerana tidak ada parti politik mewakili pelbagai kaum seumpamanya di dalam dunia yang mampu bekerjasama dengan begitu baik.

Beliau berkata, walaupun ada parti politik campuran di merata tempat di seluruh dunia, tapi campuran mereka berbeza daripada yang diamalkan oleh BN.

"Kita mempunyai parti gabungan sebelum pilihan raya tapi mereka menjadi parti campuran kerana terdesak apabila kemenangan tidak ada parti yang menang dengan cukup majoriti untuk menubuhkan kerajaan, jadi mereka buat keputusan untuk bergabung," katanya.

Dr Mahathir berkata, biasanya gabungan seperti itu tidak kukuh dan kekal kerana antara parti terbesar dan terkecil, biasanya parti terkecil turut mempunyai pengaruh politik yang amat kuat.

Beliau berkata, bagaimanapun, BN dan Perikatan adalah parti campuran yang diadakan sebelum pilihan raya dan ia bergerak dalam pilihan

raya

sebagai sebuah parti sebenarnya.

"Tidak ada pertandingan atau persaingan antara parti komponen BN. BN walaupun bukan menjadi satu parti, tapi atas pakatan menentukan siapa yang akan bertanding di kawasan mana dan apabila sudah ditentukan maka semua parti komponen akan memberi sokongan kepada calon yang dipanggil sebagai calon Perikatan atau BN," katanya.

Beliau berkata, calon BN tidak bertanding sebagai calon Umno, MCA, Gerakan atau MIC, tetapi sebagai calon parti BN, dengan memberi sokongan kepada calon BN, sehingga menang dengan selesa.

Dr Mahathir berkata, di Malaysia, sistem yang diamalkan ini amat penting, walaupun diketahui bahawa kaum India hanya mewakili 10 peratus dari jumlah penduduk negara ini dan tidak ada satu kawasan pilihan raya menjadi kawasan majoriti kaum India mereka tetap diberi tempat.

"Bermakna kalau orang India dicalonkan dan hanya orang India beri sokongan, tidak mungkin calon berkenaan akan dapat kemenangan, namun dalam sistem Perikatan dan BN calon itu disokong oleh orang Umno, MCA, Gerakan dan PPP, maka calon daripada kaum minoriti dalam kawasan berkenaan boleh mendapat kemenangan," katanya.

Beliau berkata, inilah kebaikan dalam BN, sistem BN yang menentukan kaum yang minoriti juga boleh mendapat wakil dalam dewan undangan negeri dan dewan negara, sebab kita anggap sistem pakatan sebelum pilihan raya begitu baik untuk semua pihak.

Katanya, sistem itu perlu dikekalkan kerana ia bukan sahaja baik bagi kaum minoriti tetapi juga bagi kaum majoriti dalam kawasan pilihan raya yang lain.

"Banyak kawasan yang majoriti pengundinya terdiri daripada orang Melayu atau orang Cina, walaupun mereka menjadi majoriti dalam kawasan ini ia tidak menjamin bahawa parti BN akan dapat kemenangan, kalau ia hanya bergantung kepada kaum tertentu saja," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kaum India hanya mewakili 10 peratus daripada jumlah penduduk negara, namun suara dan sumbangan mereka dalam menangani pelbagai masalah negara melebihi 10 peratus.

"Sebab itu, kita ingin kekalkan cara kerjasama antara kaum, kerana ia berjaya membawa kejayaan kepada negara," katanya.